

# Tahap pengurusan rantai bekalan dipertingkat - PM

**KUALA LUMPUR** - Mesyuarat Majlis Pelaburan Negara (MPN) Ke-6 Tahun 2024 pada Selasa bersetuju dengan beberapa langkah bagi meningkatkan tahap pengurusan rantai



ANWAR

bekalan yang kukuh, berdaya tahan dan responsif kepada gangguan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mempengerusikan mesyuarat tersebut berkata, langkah itu sejajar dengan objektif untuk membina sekuriti ekonomi negara.

Selain itu, beliau berkata, mesyuarat tersebut juga telah meneliti kertas pembentangan berkaitan Membina Sekuriti Ekonomi Melalui Rantai Bekalan Yang Berdaya Tahan.

“Saya tekankan peri penting usaha ini sejajar dengan matlamat dan inisiatif di bawah Ekonomi Madani.

“Sekuriti ekonomi bertambah penting terutamanya berlatar belakang kelemahan yang wujud ketika dunia bertarung dengan pandemik Covid-19,” katanya menerusi hantaran di laman sosial X pada Selasa.

Perdana Menteri berkata, kerjasama antara kerajaan, perniagaan dan organisasi antarabangsa mustahak dalam memudahkan perkongsian maklumat, menyelaraskan maklumat dan membangunkan piawai yang seragam. - *Bernama*